



A GREEN STEP TOWARDS A SUSTAINABLE TOMORROW



PROGRAM SISA SIFAR GUPPY PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.

Anugerah Sekolah Hijau
• MPSP 2013

• Penyampaian Sijil OHSAS
18001 : 2007

Perasmian Bengkel Kitar
Semula Kreatif
Permatang Nibong





SIDANG REDAKSI

- PENAUNG
**PUAN MAIMUNAH MOHD. SHARIF
YANG DIPERTUA**
- PENASIHAT
**SR TUAN HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
SETIAUSAHA PERBANDARAN**
- KETUA EDITOR
WAN JUNAIDY BIN YAHAYA
- EDITOR
**SALEMAH BINTI AYOB
SITI AISHAH BT AHMAD**
- JURUGAMBAR
**SHEIKH ZAKARIA BIN SHAIK AHMAD
MOHD. FAIZ BIN ABDUL HALIM**



**“SUSTAINABILITY IS
OUR COMMITMENT”**

Isi kandungan

Perutusan YDP	1
Pelancaran Program Sisa Sifar Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd.	2
Majlis Penutup Clean Up The World	3
Anugerah Komuniti Mampan 2013	4
Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013	5
Penyampaian Sijil OHSAS 18001 : 2007	6
Perasmian Bengkel Kitar Semula Kreatif Permatang Nibong	7
Perasmian Kebun Kejiranan Taman Keenways	8
Perasmian Projek Naiktaraf Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth	9
Pertandingan Golf Sempena Hari Jadi TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang	10
Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan & Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Jawi	11
Senarai Lawatan Ke MPSP Sepanjang Tahun 2013	12
Senarai Majlis Dan Program Sepanjang Tahun 2013	13
Lain-Lain Program	15



Perutusan Yang Dipertua

Assalamu'alaikum dan Selamat Sejahtera.

Sebagai pembuka bicara, saya ingin memanjatkan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya, Buletin MPSP Bil.3/2013 (September - Disember) dapat diterbitkan dan diharapkan warga MPSP dalam keadaan sihat sejahtera. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua kakitangan Majlis atas sumbangan yang diberikan dalam membangunkan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai majlis perbandaran yang efisien dalam mengimplementasikan tanggungjawab terhadap penjagaan dan pembangunan Seberang Perai.



Dalam mencapai misi MPSP ke arah "menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamat, lebih bersih, lebih hijau dan sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai" tujuh (7) fokus MPSP akan dilaksanakan iaitu Persekutaran bersih, Mitigasi banjir, Penyertaan dan Kesejahteraan komuniti, Pengindahan dan Penghijauan, Penguatkuasaan Bersepadu, Pengukuhan Kewangan dan Pembinaan Kapasiti.

Selain itu, MPSP juga telah berjaya meningkatkan kadar Kitar Semula dari 29% pada tahun 2012 kepada 32% pada tahun 2013. Peningkatan yang mendadak ini merupakan hasil daripada usaha MPSP, Ahli-ahli Majlis dan komuniti melalui strategi komuniti mampan. Dalam usaha MPSP ke arah bertaraf antarabangsa, semua kakitangan haruslah meningkatkan ilmu selaras dengan perkembangan semasa. Ini adalah persediaan asas dalam menempuh cabaran arus globalisasi dan modenisasi.

Semoga pelbagai usaha murni yang dijalankan ini dapat menjadi aspirasi kepada seluruh warga MPSP untuk terus berusaha selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang negeri yang sukses dari pelbagai aspek selari dengan moto Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu dan menggembung tenaga dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Seberang Perai, sekaligus meningkatkan imej MPSP di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

MAIMUNAH MOHD SHARIF
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai



Pelancaran Program SISA SIFAR GUPPY PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.

Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. yang terletak di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah merupakan antara kilang di Seberang Perai yang melaksanakan Program Sisa Sifar Industri bagi mengurangkan pembuangan sisa toksid dari kilang. Pengurus kilang Guppy, Encik Tan Teik Huat berkata, inisiatif ini diambil untuk membantu Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam usaha mengurangkan penjanaan sisa pepejal dari hasil industri. Beliau berharap inisiatif ini dapat menjadi contoh kepada syarikat-syarikat industri yang lain supaya bersama-sama mengurangkan penjanaan hasil pepejal.

Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar Guppy ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd. Sharif. Dalam ucapannya, Yang Dipertua berkata, inisiatif yang diambil oleh kilang Guppy patut dipuji kerana dapat mengurangkan jumlah bahan buangan ke tapak pelupusan sampah. Menurutnya lagi, sebanyak RM74.1 juta telah dibentangkan dalam Bajet 2014 MPSP untuk pengurusan sisa pepejal. Oleh yang demikian,

beliau menyeru agar syarikat-syarikat industri yang lain mengikuti langkah yang diambil oleh kilang Guppy bagi membantu MPSP mengurangkan peruntukan tersebut.

Hanya 3 buah kilang sahaja yang menyertai MPSP dalam Program Sisa Sifar ini, manakala 132 buah kilang lain di Seberang Perai terlibat dalam program kitar semula. Dalam program yang sama, kilang Guppy telah menyumbangkan 595 helai poncho kepada MPSP, JKKA Bukit Tengah, Jabatan Pertahanan Awam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia SPT dan Pasukan Peronda Sukarela.



MAJLIS PENUTUP

CLEAN UP THE WORLD

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Negeri telah menganjuran program kitar semula yang dikenali sebagai *Clean Up The World*. Program yang melibatkan beberapa kumpulan pengakap dari beberapa Negara Asia ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif.

Yang Dipertua berkata, program itu adalah antara usaha pihak berkuasa tempatan dengan agensi luar dalam mengurangkan sampah dan bahan buangan sisa pepejal. Turut hadir bersama ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Datuk Kader Md. Nor, Zulkafi Kamaruddin (Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang) dan Ong Shy Hann (Pengarah Penganjur). Dalam pada itu,

Yang Dipertua turut menyatakan bahawa, sebanyak 287,062 tan sampah telah dihasilkan isi rumah sepanjang bulan Januari hingga Ogos, tahun 2013. Oleh yang demikian, MPSP terpaksa membelanjakan sebanyak kira-kira RM5.8 juta bagi kos penyelenggaraan sisa pepejal yang berpengkalan di Pulau Burong, SPS dan RM 330,000 di Ampang Jajar, SPT.

Justeru, beliau menyeru agar semua pihak wajar mengamalkan posisi kebersihan di kawasan masing-masing, lengkap dengan usaha untuk mengurangkan keterhasilan sisa sampah. Pada masa yang sama, beliau juga turut mengumumkan kejayaan MPSP mencapai 32 peratus kitar semula dalam tempoh masa Januari hingga Ogos bagi tahun 2013.

Tarikh : 3 September 2013
Masa : 2.30 petang
Tempat: Auditorium MPSP



ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2013

Anugerah Komuniti Mampan 2013 yang dianjurkan secara bersama oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. di Auditorium MPSP. Anugerah ini diadakan bagi menyemarakkan lagi usaha inovasi komuniti dalam memelihara alam sekitar.

Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd. Sharif mengumumkan, Kelab Rukun Tetangga Taman Keenways muncul sebagai pemenang Anugerah Komuniti Mampan 2013, diikuti oleh Persatuan Pemilik dan Penghuni Rumah Taman Tambun Indah Seberang Perai Selatan (tempat ke-2) dan Persatuan Amal Masyarakat Cina Taman Putri Gunung (tempat ke-3). Masing-masing menerima hadiah sebanyak RM3,000, RM2,000 dan RM1,000 manakala Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Desa Damai pula dipilih sebagai penerima Anugerah Khas

Inovasi dengan menerima saguhati sebanyak RM500. Antara kriteria yang dinilai adalah profil kejiranan, komuniti, organisasi, inisiatif komuniti ke arah kemampunan dan kemajuan, integrasi sosial, kehijauan, tadbir urus dan keusahawanan.

Menurut Yang Dipertua, prinsip *Local Action 21* digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Y.B. Phee Boon Poh, Tan Cheong Heng (Ahli Majlis MPSP) dan Michael Van Crombrugge (Pengurus Besar Flextronics Technology) turut hadir pada majlis itu.





ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2013

Sebanyak 86 buah sekolah yang terdiri daripada 59 buah sekolah rendah dan 27 buah sekolah menengah telah menyertai Pertandingan Sekolah Hijau 2013. Program yang dianjurkan dengan kerjasama antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd. merupakan salah satu inisiatif MPSP untuk mendedahkan pendekatan secara holistik berkenaan pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan kepada pelajar sekolah.

Menurut Yang Dipertua, menerusi program ini, pelajar-pelajar akan dibentuk menjadi satu pasukan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah direncanakan dalam usaha menjaga alam sekitar. Terdapat 10 kriteria yang dinilai ke atas setiap sekolah yang mengambil bahagian iaitu, amalan 3R, penggunaan sisa makanan,

penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti yang kreatif dan berinovasi.

Menurut Yang Dipertua lagi, dengan adanya program seumpama ini, tahap kesedaran dan kerjasama di antara MPSP dan pelajar sekolah dapat ditingkatkan lagi disamping meningkatkan penggunaan semula bahan buangan dan mengurangkan sampah. Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Encik Yen Siew San (Ketua Pegawai Eksekutif Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd.), Ahli-ahli Majlis MPSP dan para guru.





PENYAMPAIAN SIJIL OHSAS 18001 : 2007

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diiktiraf sebagai pihak berkuasa tempatan pertama di Semenanjung Malaysia yang mendapat persijilan OHSAS 18001:2007. Penganugerahan sijil tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye kepada Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif. Menurut beliau, penganugerahan sijil ini merupakan satu penghormatan buat MPSP serta menujukan keprihatinan MPSP dalam menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja di tempat kerja.

Yang Dipertua dalam ucapannya berkata, idea untuk mendapatkan pensijilan OHSAS ini tercetus semasa beliau menghadiri taklimat berkaitan OHSAS 18001: 2007 di Perbadanan Produktiviti Malaysia, Kepala Batas pada

Januari lalu. Antara faktor yang mendorong MPSP untuk mengikuti garis panduan yang ditetapkan NIOSH adalah termasuk mengurangkan kos dan kerugian akibat kecederaan semasa bekerja, meningkatkan produktiviti dan moral pekerja dan mengurangkan tuntutan liabiliti daripada kakitangan.

Turut hadir sama ialah EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow, Dr. Sharudin Shari (Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., NCSB), Encik Syamsul Zahrin Zanudin (Pengurus Besar NCSB), Puan Asiah Nasution Suhaimi (Pengurus Persijilan NCSB) dan Tuan Sr. Hj. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP).





Perasmian Bengkel

KITAR SEMULA KREATIF PERMATANG NIBONG

Seramai 20 penduduk telah menyertai Bengkel Kitar Semula Kreatif anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama SVAC ViroGreen Sdn. Bhd.

Menurut Tuan Sri Haji Rozali Mohamud, (Setiausaha Perbandaran) bengkel yang dijalankan selama 14 hari itu merupakan inisiatif bersama Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong dan MPSP bagi tujuan melatih penduduk menggunakan semula bahan buangan supaya menjadi bahan yang mempunyai nilai di pasaran. Dalam perkembangan lain, Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong telah ditubuhkan yang berfungsi sebagai agen

pemasaran bahan-bahan yang dihasilan oleh penduduk disamping dapat meningkatkan pendapatan penduduk.

Turut hadir sama ialah Encik Moorthi A/L Karthikesan (Pengarah Urusan SVAC), Kilus Foundation dari Pasig City dan Ahli-ahli Majlis MPSP dan penduduk kampung Permatang Nibong. Tenaga pengajar untuk bengkel ini didatangkan khas dari Filipina oleh Syarikat SVAC Viro Green Sdn. Bhd. ini dan tinggal bersama keluarga angkat di Kampung Permatang Nibong.





PERASMIAN KEBUN KEJIRANAN TAMAN KEENWAYS

Aktiviti pertanian secara amnya merupakan aktiviti yang melibatkan bercucuk tanam, menternak dan berkebun yang menghasilkan bahan makanan samada untuk manusia, ternakan atau bahan berguna lain.

Bertempat di Taman Keenways Bukit Mertajam, sebidang tanah yang terbiar telah diusahakan oleh Rukun Tetangga di situ dan dijadikan sebagai kebun sayur-sayuran. Kebun sayur-sayuran yang diberi nama Kebun Kejiran-Green Ways telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPSP.

Seramai 22 orang daripada komuniti Taman Keenways telah mengambil bahagian dalam program menanam sayur-sayuran di kebun

tersebut. Menurut Pengurus Rukun Tetangga Taman Keenways, sejak tahun 2005 lagi, Taman Keenways telah aktif dalam aktiviti-aktiviti kitar semula dan kehijauan. Dengan adanya aktiviti sebegini, ianya secara tidak langsung dapat memulihara alam sekitar dan menjana pendapatan untuk tujuan kebajikan masyarakat dan penduduk di Taman Keenways.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya berharap agar konsep kitar semula sentiasa diamalkan dan menjadi budaya hidup di kalangan masyarakat sejajar dengan saranan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan sihat.

PERASMIAN PROJEK NAIKTARAF PASAR AWAM SRI BANDAR, BUTTERWORTH

Pasar Awam Sri Bandar telah dinaiktaraf dan siap sepenuhnya pada 19 Disember 2013 yang lalu. Menurut Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan sebanyak RM5 juta untuk menaiktaraf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal dan juga Pasar Awam Samagagah. Pasar Awam Sri Bandar ini telah dinaiktaraf dengan perbelanjaan sebanyak RM 1,894,674.55. Manakala sebanyak 23 pasar awam juga telah menjalani pembaikan kecil dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta.

Kerja-kerja menaiktaraf Pasar Awam Sri Bandar ini amat mencabar kerana projek tersebut terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya beberapa kali kerana cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan. Terdapat beberapa aspek bangunan hijau (*green building*) telah diserapkan di dalam reka bentuk bangunan pasar ini. Pasar ini adalah berkonsep terbuka dengan reka bentuk bumbung

yang tinggi bagi membolehkan peredaran udara,dilengkapi dengan sistem perangkap sampah berpusat iaitu *greasetrap*, kemudahan tandas awam, dan merupakan bangunan yang mesra OKU. Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya memohon kepada semua supaya dapat menjaga kebersihan dan kemudahan pasar tersebut dan berharap agar pasar yang baru dinaiktaraf itu dijadikan sebagai *Role Model*, iaitu satu pasar awam yang paling bersih di Seberang Perai.

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir bagi merasmikan majlis pembukaan Pasar Awam Sri Bandar ini. Hadir sama ialah Y.B Lim Hock Seng (EXCO Kerja Raya, Pengangkutan & Utiliti), Y.B Phee Boon Poh (EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar), Y.B. Dr. Afif Bahardin (EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan), Tuan Setiausaha Perbandaran, Ahli-Ahli Majlis MPSP serta para peniaga dan pengunjung Pasar Awam Sri Bandar.





PERTANDINGAN GOLF

SEMPENA HARI JADI TYT YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Seramai 28 peserta telah menyertai pertandingan golf sempena hari jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-75 di Mission Hills Golf Course, Hainan China.

Pertandingan yang diadakan setiap 2 tahun ini, dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai selaku jawatankuasa induk. Menurut Yang Dipertua

hadiah-hadiah yang bernilai RM15,400.00 telah ditaja oleh Dato' Khor Teng Tong dan Dato' Dr Ooi Eng Hock.

Antara yang hadir dalam kejohanan itu ialah, Y.B. Dato' Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri), Y.B. Dato' Seri Choot Ewe Seng (Presiden Persatuan Persahabatan Hainan-Penang), Ahli-ahli Majlis MPSP dan beberapa jemputan lain.



SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN & PERASMIAN PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR PERKAMPUNGAN JAWI



Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang diadakan di Perkampungan Jawi, SPS disambut meriah diperingkat negeri Pulau Pinang dengan pelbagai aktiviti untuk memberi penghargaan kepada komuniti penggiat kitar semula. Sambutan yang diadakan pada tanggal 11 November setiap tahun bermula pada tahun 2000 bertujuan untuk memberi penghargaan kepada komuniti penggiat kitar semula kerana telah mempamerkan amalan baik bagi pengurangan sisa buangan.

Tuan Setiausaha dalam ucapannya berkata, objektif utama sambutan Hari Kitar Semula ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam mengamalkan aktiviti kitar semula. Menurut beliau, penglibatan MPSP dalam forum-forum antarabangsa sedikit sebanyak telah mencetuskan idea dan pandangan yang bernas dalam penganjuran program-program memelihara alam sekitar. Program-program yang dijalankan seperti *Urban Farming*, *Zero Waste Composting*, kitar

semula dan gotong-royong kebersihan, telah berjaya mencapai kadar kitar semula sebanyak 32 peratus berbanding sasaran hanya 31 peratus.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow telah merasmikan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang ini. Dalam ucapannya, beliau berkata Kerajaan Negeri menghargai penglibatan semua pihak dalam menjayakan usaha murni ini. Tambah beliau, beberapa program telah diperkenalkan oleh MPSP dan MPPP untuk mengurangkan penghasilan sisa buangan di negeri ini.

Pada sambutan itu, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow turut merasmikan Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Jawi. Turut hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Y.B. Soon Lip Chee, Ahli-Ahli Majlis MPSP iaitu Encik Tan Cheong Heng, Encik Loh Joo Huat dan Encik H'ng Mooi Lye.



SENARAI LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI SEPANJANG TAHUN 2013

BIL	AGENSI
1.	Majlis Daerah Kerian
2.	Majlis Daerah Tanjung Malim
3.	UiTM Seri Iskandar
4.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
5.	Delegasi Dari Vietnam
6.	Pusat Latihan Klinikal Bukit Mertajam
7.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
8.	Majlis Perbandaran Klang
9.	Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT
10.	UiTM Pulau Pinang
11.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
12.	Delegasi The Board Of Government Personnel Standards Bangkok
13.	The Institution of Engineers Malaysia
14.	Sekolah Menengah Sains Kepala Batas
15.	Perbadanan Putrajaya
16.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
17.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
18.	Majlis Bandaraya Johor Bahru






SENARAI MAJLIS & PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2013



1.	MAJLIS PERASMIAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF
2.	MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM SRI BANDAR
3.	PERTANDINGAN GOLF SEMPENA HARIJADI TYT YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
4.	PROGRAM PENGHIJAUAN PERAI
5.	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2013
6.	MAJLIS SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN PERINGKAT SEBERANG PERAI & PERASMIAN PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR PERKAMPUNGAN JAWI, SPS
7.	JELAJAH BERSIH (SPS)
8.	MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SISA SIFAR
9.	MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL OHSAS 18001:2007
10.	UCAPAN BAJET 2014
11.	MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN CLEAN UP THE WORLD
12.	MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAH
13.	MAJLIS PERASMIAN KEBUN KEJIRANAN - GREEN WAYS TAMAN KEENWAYS, BUKIT MERTAJAM
14.	MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KAWALAN TIKUS DAN GOTONG ROYONG
15.	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI SEBERANG PERAI 2013
16.	FORUM PERDANA EHWAL ISLAM 1434H SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS KE – 39 / 2013
17.	PERHIMPUNAN KORPORAT SERTA MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN DAN IKRAR KUALITI
18.	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMUSNAHAN TEMPAT PEMBIAKAN AEDES & KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN DENGAN KERJASAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH SPT, PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR PERMATANG NIBONG, SEK AGAMA AL - AMANIAH DAN SEK KEB PERMATANG TO'KANDU
19.	SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-39
20.	MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MPSP 2013
21.	MAJLIS PENYERAHAN POKOK DAN PASU BUNGA KEPADA PESERTA ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2013 DAERAH SPU
22.	KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN SEBERANG PERAI PEJABAT CAWANGAN JALAN BETEK
23.	MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM TAMAN BERJAYA
24.	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMULIHAN SUNGAI SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA SUNGAI DERHAKA, TAMAN NAGASARI, PERAI
25.	MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM SAMAGAGAH

26.	MAJLIS PELANCARAN PROJEK BAJET RESPONSIF GENDER FASA 4 TAMAN REKREASI PANGSA PPR AMPANGAN DAN HARI KELUARGA PANGSA PPR AMPANGAN
27.	TELEPLAN FUN WALK DAN SENAMROBIK BERSAMA MPSP
28.	MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2013
29.	MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN PERALATAN ELETRIK TERPAKAI DAN PEMBUNGKUS POLISTERI
30.	MAJLIS PERASMIAAN LALUAN BERBASIKAL TAMAN BANDAR AMPANG JAJAR, PERMATANG PAUH, SPT
31.	MAJLIS PECAH TANAH TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O
32.	MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MPSP 2013



Gambar Program-Program MPSP



Gambar Program-Program MPSP



www.mpsp.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

MPSP